

06/02/2003

Muslihat jahat kuasa besar akan didedah

KUALA LUMPUR: Kolokium Perundangan Antarabangsa dan Keamanan Sejagat anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia), Sabtu ini, akan mendedahkan rancangan jahat kuasa besar Barat menjajah semula negara Islam di Timur Tengah.

Profesor Undang-Undang Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Dr Shad Saleem Faruqi berkata, muslihat serta manipulasi Amerika Syarikat dan sekutunya melalui pelancaran 'Perang Menentang Keganasan' perlu didedahkan bukan saja kepada penduduk negara ini, malah paling penting kepada rakyat kuasa besar itu sendiri.

"Melalui perbincangan dalam kolokium ini, kekeliruan mengenai isu keganasan serta muslihat Amerika untuk mengubah penggantungan mereka terhadap simpanan minyak Arab Saudi serta jenayah peperangan yang dilakukan Washington serta sekutunya selama ini dapat didedahkan," katanya pada sidang akhbar mengenai Kolokium Perundangan Antarabangsa dan Keamanan Sejagat anjuran Aman Malaysia pada Sabtu ini.

Profesor Shad adalah antara tiga panel yang dijemput bagi menjayakan kolokium itu. Pada sesi kolokium itu, beliau akan membincangkan topik berkaitan undang-undang antarabangsa, keamanan sejagat serta peperangan terhadap keganasan.

Dua panel lain adalah Penasihat Aman Malaysia yang juga Presiden Gerakan Antarabangsa Just World, Dr Chandra Muzaffar serta bekas Panglima Medan Tentera Darat Angkatan Tentera Malaysia, Lt Jeneral (B) Datuk Seri Zaini Mohd Said.

Dr Chandra akan mengupas isu hak asasi manusia, nilai kemuliaan maruah manusia serta keamanan sejagat manakala Zaini pula akan berkongsi pengalaman mengenai kesan peperangan dan keganasan dari perspektif seorang bekas perajurit.

Kolokium Perundangan Antarabangsa dan Keamanan Sejagat akan diadakan di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), bermula jam 8.30 pagi.

Pada sidang akhbar itu, Dr Chandra ketika menjawab satu soalan berkata, demonstrasi aman serta protes gerakan keamanan di seluruh dunia dijangka tidak dapat menghentikan rancangan jahat Amerika menyerang Iraq, namun usaha keamanan itu perlu diteruskan dengan lebih giat lagi.

"Sekurang-kurangnya melalui bengkel, simposium, kolokium serta persidangan mengenai keamanan sejagat ini dapat melambatkan lagi rancangan serangan Washington ke atas Iraq selain menyedarkan masyarakat dunia

terhadap rancangan jahat itu.

Terdahulu pada awal sidang akhbar itu, Pengerusi Kolokium, Mukhriz Mahathir berkata, hasil perbincangan serta resolusi yang dicapai dalam sidang kolokium berkenaan akan dijadikan sebahagian memorandum yang akan disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan besar-besaran gerakan keamanan itu di Stadium Nasional Bukit Jalil, 23 Februari ini.

Sehubungan itu beliau menggesa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengambil bahagian secara aktif dalam sidang kolokium terbabit dengan menghantar wakil masing-masing.

Beliau meminta mana-mana NGO yang masih belum mendapat undangan bagi penyertaan kolokium, menghubungi sekretariat Kolokium Perundangan Antarabangsa dan Keamanan Sejagat di talian 03-6411-8006.